

**KEBOLEHTERIMAAN PEMBUKTIAN FORENSIK DIGITAL DI MAHKAMAH
SYARIAH: ISU INTEGRITI DALAM KES JENAYAH SYARIAH**

1.0 PENDAHULUAN

Mahkamah Syariah dan Sivil di Malaysia telah mengiktiraf kaedah pembuktian melalui keterangan dokumen. Kaedah pembuktian melalui keterangan dokumen ini tidak hanya terhad kepada keterangan dokumen berbentuk fizikal semata-mata malah telah diperluaskan kepada dokumen yang berbentuk elektronik. Pada zaman yang serba canggih ini, pemakaian pembuktian secara bahan digital ini tidak asing lagi di Mahkamah Syariah. Oleh hal yang demikian, ketulenan bahan digital tersebut perlu dipastikan agar tidak menjejaskan keboleherimaannya di mahkamah semasa proses perbicaraan kes. Justeru, method untuk mengakui keabsahan sesuatu dokumen digital ini sebelum ia dikemukakan di mahkamah adalah melalui forensik digital.

Forensik digital adalah merupakan satu bentuk cabang ilmu yang berkaitan dengan bahan bukti elektronik yang bertujuan untuk mengidentifikasi bahan bukti agar memperkukuh fakta yang membantu dalam prosedur perundangan (Dedi Hariyadi et al., 2022). Forensik digital ini adalah satu cadang daripada sains forensik yang memberikan tumpuan kepada proses pengenalpastian, pemeriksaan, pemulihan, perlindungan dan analisis terhadap bukti-bukti digital yang diperolehi daripada peranti elektronik yang terlibat dalam jenayah siber secara langsung (Vaishali et al, 2024). Menurut Jabatan Digital Negara (MyDFLAB) forensik digital adalah melibatkan pengenalpastian, pemeliharaan dan analisis bukti digital daripada pelbagai jenis peranti media elektronik dengan cara yang diperakui oleh undang-undang.

Forensik digital merupakan satu bidang baru di Malaysia yang merangkumi ruang lingkup forensik sains dan sains komputer. Ianya merupakan satu disiplin yang menggabungkan elemen undang-undang dan sains komputer yang melalui proses pengumpulan pemeliharaan, penganalisan dan pembentangan data digital mengikut kepada standard operasi yang diterima oleh mahkamah (Abu Nong, 2018). Forensik digital ini memainkan peranan yang sangat penting bagi membantu proses penyiasatan sesuatu kes jenayah secara spesifik untuk tujuan mendedahkan kebenaran melalui rekod digital yang diperolehi (Nasrullah et al, 2024)

Hasil daripada penelitian ini, dapat disimpulkan bahawa forensik digital ini adalah merupakan satu bidang yang sangat penting yang memberi penekanan khusus kepada keterangan

dokumen digital yang memerlukan proses sistematik dan teratur bagi memastikan integriti sesuatu bahan digital itu boleh menyokong proses penyiasatan untuk di bawa ke mahkamah.

2.0 KERANGKA PERUNDANGAN SEMASA

Forensik digital adalah instrumen utama untuk menganalisis sesuatu ketulenan dokumen yang berbentuk elektronik. Dokumen elektronik ialah apa-apa bentuk maklumat yang disimpan atau direkodkan atau disalurkan di dalam bentuk elektronik yang mana bahan tersebut boleh menyokong atau menyangkal sesuatu dakwaan. Sumber bahan digital ini adalah seperti hard disk, telefon, komputer, mesin pencetak, pita sokongan, kad SSD, alat pengimbas CD, DVD, VDC, rangkaian internet, perisian dan protokol komunikasi. Dokumen elektronik juga ditakrifkan sebagai dokumen yang dibuat, disimpan, disalin atau dihantar dan diterima dengan cara elektronik melalui alatan elektronik lain yang dapat difahami dan dilihat dengan jelas (Wan Abdul Fattah et al., 2018).

Undang-undang yang mengawal selia proses pengemukaan bukti dan keterangan Mahkamah Syariah adalah melalui Akta atau Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah Negeri-Negeri. Berdasarkan kepada peruntukkan Seksyen 3 di dalam Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Negeri Johor) 2003 telah menyatakan definisi dokumen secara terperinci.

‘Dokumen’ ertinya apa-apa hal yang dinyatakan, diperihalkan, atau bagaimana jua pun digambarkan, atas apa-apa benda, bahan, barang atau artikel, termasuklah apa-apa hal yang terkandung dalam cakera, pita, filem, runut bunyi atau apa jua pun peranti lain, dengan menggunakan-

- (a) huruf, angka, tanda, simbol, isyarat, lambang, atau apa jua bentuk pernyataan, perihalan, atau gambaran lain;
- (b) apa-apa rakaman visual (sama ada imej kaku atau bergerak);
- (c) apa-apa rakaman bunyi; atau apa-apa jua pun rakaman elektronik, magnetik, mekanikal atau rakaman lain dan walau bagaimana jua pun dibuat, atau apa-apa bunyi dedenyut elektronik, atau apa jua data lain;
- (d) suatu rakaman; atau pemancaran, dari suatu jarak, apa-apa hal dengan mana-mana, atau apa-apa kombinasi, cara yang disebut dalam perenggan (a), (b) atau (c)

Dapat dilihat melalui tafsiran ini, dokumen adalah termasuk bukti digital seperti fail elektronik, rakaman audio atau video, mesej teks, komunikasi dalam talian dan lain-lain adalah merupakan satu keterangan berbentuk dokumen. Oleh itu, jelas di sini bahawa dokumen itu adalah tidak lagi terhad hanya kepada yang berbentuk tulisan semata-mata, ianya juga adalah berbentuk bahan digital dan elektronik yang dihasilkan atau dipindahkan melalui alat teknologi moden.

Di dalam seksyen yang sama terdapat juga tafsiran mengenai 'komputer' yang ertinya apa-apa peranti bagi merekodkan, menyimpan, memproses, mendapatkan semula atau mengeluarkan apa-apa maklumat atau perkara lain, atau bagi melaksanakan mana-mana satu fungsi itu atau lebih, tidak kira dengan nama atau perihalan apa pun peranti itu disebut; dan jika dua komputer atau lebih menjalankan mana-mana satu fungsi itu atau lebih dalam satu kombinasi atau berturutan atau walau bagaimanapun jua pun selainnya disatukan, ia hendaklah dikira satu komputer tunggal.

Selain itu, menurut peruntukkan Seksyen 49 Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Negeri Johor) 2003 juga mengiktiraf bahan digital sebagai keterangan primer (utama) yang diertikan dokumen itu sendiri yang dikemukakan untuk pemeriksaan Mahkamah. Manakala di dalam seksyen yang sama terdapat Huraian 3 memperuntukkan:

“Sesuatu dokumen yang dikeluarkan oleh komputer ialah keterangan primer”.

Berdasarkan kepada penafsiran dalam enakmen tersebut, hal ini dapat dilihat jika dokumen digital itu sendiri seperti rakaman asal, emel asal atau fail berbentuk digital yang diekstrak melalui forensik kemudian dikemukakan kepada mahkamah, maka ia adalah dikira sebagai keterangan primer tanpa perlu disokong oleh salinan atau keterangan tambahan.

Seterusnya di dalam Akta Keterangan 1950 (Akta 56) Seksyen 90A yang diaplikasikan di mahkamah sivil turut memperuntukkan kebolehterimaan dokumen yang dikeluarkan oleh komputer, dan pernyataan yang terkandung di dalamnya bagi kes jenayah dan sivil. Seksyen ini telah menyatakan bahawa:

“Dalam mana-mana prosiding jenayah atau sivil sesuatu dokumen yang dikeluarkan oleh komputer, atau sesuatu pernyataan yang terkandung dalam dokumen itu, boleh diterima

sebagai keterangan mengenai apa-apa fakta yang dinyatakan dalamnya jika dokumen itu telah dikeluarkan oleh komputer itu dalam perjalanan penggunaannya yang biasa, sama ada atau tidak seseorang yang mengemukakan dokumen itu ialah pembuat dokumen atau pernyataan itu.”

Oleh itu, dapat dilihat bahawa peruntukkan ini telah menunjukkan hasil siasatan forensik digital seperti laporan analisis data atau bukti yang diekstrak daripada peranti elektronik boleh diterima sebagai dokumen yang sah walaupun bukan pembuat dokumen asal yang mengemukakannya dan mestilah penggunaannya dalam keadaan yang tidak diubah.

Tuntasnya, peruntukkan-peruntukkan yang dinyatakan di dalam Akta 56 dan Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Negeri Johor) 2003 ini dapat dilihat telah mengiktiraf kedudukan keterangan digital melalui forensik digital sebagai suatu keterangan dokumen utama. Oleh itu, bahan bukti digital yang dikemukakan secara sah, rangkaian jagaan bahan yang teratur dan terpelihara mengikut kepada piawaian maka ianya menjadi satu instrumen penting dalam pembuktian sesuatu kes di mahkamah. Selari dengan kecanggihan zaman teknologi moden pada masa kini namun masih berteraskan kepada prinsip keadilan.

3.0 INTEGRITI DAN KEBOLEHPERCAYAAN

Dalam kepesatan perkembangan teknologi pada masa kini, pembuktian dalam kes jenayah perlu lebih efektif, relevan dan seiring dengan kemajuan teknologi. Oleh itu, kewujudan pakar forensik digital adalah sangat penting untuk membantu dalam proses pembuktian kes-kes jenayah syariah yang berlaku melalui medium digital. Hal ini kerana, forensik digital ini melibatkan kepada proses analisis teknikal dan saintifik yang dapat dilakukan oleh individu yang mempunyai kepakaran dalam bidang tersebut. Seksyen 33(1) Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Negeri Johor) 2003 memperuntukkan pendapat pakar sebagai keterangan qarinah. Seksyen tersebut menyatakan bahawa:

- (1) Apabila mahkamah perlu membuat sesuatu pendapat atas sesuatu perkara mengenai undang-undang negara asing atau mengenai sains atau seni, atau tentang identiti atau ketulenan tulisan tangan atau cap jari atau berhubungan dengan penentuan *nasab*, maka

pendapat atas perkara itu daripada orang yang mempunyai kemahiran khusus dalam undang-undang negara asing, sains atau seni itu, atau dalam soal tentang identiti atau ketulenen tulisan tangan atau cap jari atau berhubungan dengan penentuan *nasab*, ialah *qarinah*.

(2) Orang sedemikian itu dipanggil pakar.

(3) Dua orang pakar atau lebih hendaklah dipanggil untuk memberikan keterangan jika boleh tetapi jika tidak terdapat dua orang pakar, maka keterangan seorang pakar adalah memadai. Jika dua orang pakar memberikan pendapat yang berlainan, maka pakar yang ketiga hendaklah dipanggil untuk memberikan keterangan.

Berdasarkan kepada peruntukkan seksyen ini, dapat dilihat dan difahami bahawa keterangan pakar yang berkemahiran khusus dalam sesuatu bidang adalah amat penting dalam sesuatu pembuktian kes di mahkamah yang dikategorikan sebagai *qarinah*. Pakar tersebut juga perlu memenuhi segala kriteria yang disebutkan didalam peruntukkan tersebut untuk memastikan pakar tersebut benar-benar kompeten untuk memberikan keterangan sebagai saksi pakar di dalam mahkamah. Hal ini demikian kerana, di dalam sesuatu kes jenayah, forensik digital ini memainkan peranan penting dalam menganalisis kebenaran suatu bahan bukti digital yang ingin dikemukakan kepada mahkamah. Sebagai contoh bagi mengesahkan sesuatu kebenaran metadata, jejak digital, pengesahan identiti pengguna, log sistem yang mana perkara tersebut semuanya memerlukan kepada seseorang yang pakar dalam melaksanakan proses analisis bahan digital tersebut (Faris Hamzi et al, 2025). Konklusinya, pendapat pakar yang memberikan keterangan di mahkamah ini, dapat membantu menentukan kebolehterimaan dan keabsahan sesuatu bahan bukti digital malahan dapat membantu hakim dalam memahami bukti tersebut dengan lebih tepat sebelum membuat sesuatu keputusan (Mohamad Azhan et al., 2020).

Dalam membahaskan isu integriti dan kebolehpercayaan sesuatu bahan bukti digital ini, sudah pasti ianya adalah berkait rapat dengan cabaran dari sudut teknikalnya. Bagi bahan dokumen yang berbentuk digital ini, ianya adalah sangat mudah untuk terdedah kepada isu-isu seperti deepfake, penyuntingan imej dan akaun palsu yang mana ianya menggugat kredibiliti dan kebolehpercayaan sesuatu dokumen tersebut. Pemalsuan wajah ini merupakan sejenis teknologi kecerdasan buatan (AI) yang mampu mencipta imej, video dan bunyi palsu yang seakan realistik. Ianya berfungsi dengan cara mengubah bentuk mimik wajah atau suara asal kepada suara palsu yang seakan-akan menyerupai sumber asal. Tambahan lagi, bahan maklumat digital yang boleh

dihasilkan oleh kecerdasan buatan yang berpotensi menghasilkan kandungan palsu seperti video deepfake, imej manipulatif serta maklumat rekaan dalam era media sosial ini menjadi satu perkara yang sangat membimbangkan. Kemajuan teknologi seperti ini sememangnya tampak sah namun dari sudut kebenaran ianya adalah rekaan semata-mata yang mana akan mencacatkan kepercayaan terhadap maklumat digital (Khairul Azhar et al., 2025).

Prosedur pengendalian bahan bukti digital melalui rantai jagaan adalah suatu perkara yang penting bagi mengelakkan bahan digital dimanipulasi atau "*tampering*". Rantai jagaan sesuatu keterangan ialah prinsip keterangan yang menekankan integriti dan kekuatan keterangan fizikal dan elektronik di mahkamah. Rantai jagaan ini berkembang hasil daripada keterangan forensik yang sering kali dikemukakan di mahkamah. Prinsip rantai jagaan ini adalah selari dengan prinsip keadilan yang disebutkan di al-Quran seperti firman Allah S.W.T dalam surah Al-Nahl ayat 90:

Maksudnya: Sesungguhnya Allah menyuruh kamu berlaku adil dan berbuat kebajikan serta menjauhkan diri dari perbuatan keji dan mungkar. (Al-Nahl,16:90)

Oleh itu, berdasarkan kepada ayat diatas rantai jagaan yang melibatkan sesuatu keterangan qarinah seharusnya dipelihara dengan sempurna bermula daripada peringkat siasatan sehingga ke peringkat ianya di bawa ke mahkamah untuk prosiding perbicaraan. Sehubungan dengan itu, adalah menjadi suatu keadilan apabila pihak pendakwaan berjaya untuk membuktikan dalam pendakwaannya bahawa rantai jagaan keterangan tetap bersambung sehingga mengukuhkan keterangan qarinah yang dikemukakan (Ahmad Azam, 2022) .

Pemeliharaan rantai jagaan (chain of custody) terhadap sesuatu keterangan qarinah dalam proses pendakwaan merupakan satu manifestasi kepada prinsip amanah, tanggungjawab dan integriti. Hal ini adalah selari dengan perintah Allah S.W.T dalam Surah al-Nisa' ayat 58:

Maksudnya: Sesungguhnya Allah menyuruh kamu menyampaikan amanat kepada yang berhak menerimanya, dan memerintahkan kamu menetapkan hukum di antara manusia dengan

ketetapan yang adil. Sesungguhnya Allah memberi pengajaran yang sebaik-baiknya kepadamu. Sesungguhnya Allah Maha Mendengar lagi Maha Melihat.

(Al-Nisa',4:58)

Pegawai penguatkuasa agama yang mempunyai dan mengumpul bukti keterangan seharusnya mengendalikan dengan penuh teliti dan kejujuran bermula daripada proses siasatan sehingga kepada pengemukakan ke mahkamah. Menurut perspektif syarak, sifat amanah ini merangkumi kejujuran, berhemah serta tidak menyeleweng. Maka, kesemua sifat ini seharusnya diaplikasikan semasa proses pemeliharaan rangkaian jagaan ke atas dokumen digital sehinggalah ianya dikemukakan kepada mahkamah.

4.0 ANALISIS DARI PERSPEKTIF FIQH FORENSIK

Perkembangan pesat kemajuan teknologi maklumat ada masa kini telah menyebabkan banyaknya penggunaan bahan bukti dokumen berbentuk digital di mahkamah. Namun begitu keesahan dan kerelevanan dokumen digital ini di mahkamah memerlukan kepada penilaian yang selari dengan hukum syarak. Oleh itu, perkara ianya adalah berkait rapat dengan kaedah fiqh al-waqi' yang merupakan satu konsep pemahaman terhadap keadaan realiti semasa berdasarkan kepada hukum Islam yang tepat. Fiqh al-waqi' ini merupakan satu konsep yang memainkan peranan penting dalam memastikan hukum Islam dapat beradaptasi dengan teknologi baru seperti forensik digital yang mana mengikut kepada realiti semasa selari dengan tuntutan syarak. Menjaga keadilan dan melindungi hak individu merupakan salah satu daripada prinsip maqasid syariah. Oleh yang demikian, kaedah pembuktian melalui kaedah saintifik seperti forensik digital yang membantu dalam menjaga keadilan dan integriti sesuatu dokumen digital adalah selari dengan prinsip maqasid syariah (Aniq Aiman et al, t.t).

Di dalam al-Quran Allah telah menyebutkan dalam surah Yusuf ayat 26-27

Maksudnya: “Jika baju Yusuf koyak dari depan maka benarlah tuduhan perempuan itu, dan menjadilah Yusuf dari orang-orang yang dusta. Dan jika bajunya koyak dari belakang, maka dustalah perempuan itu, dan Yusuf adalah orang-orang yang benar” (16:26-27)

Ayat ini telah membuktikan sesuatu bukti berbentuk fizikal membantu dalam menyelesaikan permasalahan. Pakaian Nabi Yusuf (a.s) menjadi bukti penting dalam menilai kebenaran daripada sesuatu pertuduhan. Di dalam forensik digital sesuatu keabsahan, kebenaran dan niat sesuatu tindakan itu boleh dinilai daripada hasil analisis bahan bukti digital yang membantu pihak berkuasa mengesan jenayah siber serta membuktikan kesalahan melalui kaedah saintifik yang kukuh.

Forensik digital juga merupakan qarinah. Di dalam Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Negeri Johor) 2003 terdapat peruntukan yang menyokong kedudukan bukti digital sebagai qarinah. Seksyen 6 menyatakan bahawa sesuatu fakta yang bukan isu utama dalam sesuatu kes namun mempunyai kaitan rapat dengan fakta yang menjadi isu sehingga membentuk sebahagian daripada transaksi yang sama dianggap sebagai qarinah. Maklumat yang berkait secara langsung dengan fakta dalam sesuatu kes walaupun bukan fakta utama seperti metadata atau jejak digital hasil daripada analisis oleh forensik digital menunjukkan ianya adalah merupakan satu qarinah. Sesuatu bukti digital yang dapat membuktikan elemen niat, alibi atau tingkah laku seseorang hasil daripada analisis secara saintifik melalui forensik digital adalah selari dengan konsep qarinah kerana menyediakan petunjuk secara teknikal yang boleh disahkan (Faris Hamzi et al, 2025).

Dapat dilihat disini, perkembangan teknologi maklumat telah menjadikan penggunaan bukti digital semakin penting dalam proses pembuktian di Mahkamah Syariah. Walaupun begitu, penerimaan bukti digital perlu dinilai berdasarkan prinsip hukum syarak agar keabsahan dan kerelevannya dapat dipastikan. Konsep fiqh al-waqi’ memainkan peranan penting dalam memastikan hukum Islam mampu menyesuaikan diri dengan perkembangan teknologi semasa seperti forensic digital tanpa mengabaikan prinsip Syariah.

5.0 ANALISIS KES-KES TERPILIH

Berdasarkan kes-kes yang telah diputuskan di Mahkamah Syariah, menunjukkan bahawasanya penerimaan penggunaan bahan bukti digital sebagai salah satu bentuk keterangan yang sah dalam prosiding perbicaraan kes telah digunapakai oleh mahkamah. Evolusi teknologi maklumat telah mendorong Mahkamah Syariah untuk menerima dokumen dan maklumat digital termasuk cetakan elektronik, rakaman imej dan data yang diperolehi melalui peranti digital dalam menentukan *actus reus* (perbuatan) dan *mens rea* (niat) tertuduh.

Seperti dalam kes yang telah diputuskan oleh Mahkamah Rendah Syariah Selangor iaitu kes *Pendakwa Syarie Negeri Selangor v Khalid bin Abdul Samad* [2019] 3 SHLR 39. Di dalam kes ini saksi pendakwaan telah mengemukakan bukti keterangan melalui rakaman video kejadian dan telah ditenderkan oleh pihak pendakwaan. Namun pihak peguam tertuduh telah mempertikaikan penerimaan masuk rakaman video tersebut sebagai bukti sedangkan tiada sebarang laporan forensik daripada Digital Forensics Department Cyber Security Malaysia yang mengesahkan rakaman video tersebut. Pihak pendakwaan pula dalam hujahannya telah menyatakan bahawa rakaman video yang telah ditenderkan tersebut telah disahkan sendiri oleh saksi yang membuat rakaman tersebut dan pihak pendakwaan menghujahkan tiada keperluan undang-undang untuk mendapatkan laporan daripada pakar forensik digital. Oleh itu, mahkamah telah menolak bantahan peguam tersebut atas alasan rakaman tersebut telah disahkan sendiri oleh saksi yang bertanggungjawab membuat rakaman tersebut dan saksi telah mengesahkan “under oath” bahawa kamera tersebut berfungsi dengan baik dibawah seliaannya. Oleh itu, mahkamah berpendapat tiada apa-apa sebab untuk tidak menerima rakaman video tersebut sebagai bukti digital.

Di samping itu, di dalam kes *Pendakwa Syarie v Zulkifli bin Othman* [2013] 4 SHLR 92, di dalam kes ini mahkamah telah menerima gambar sebagai salah satu bukti utama untuk membuktikan kes khalwat walaupun tiada pengesahan secara teknikal terhadap ketulenan gambar tersebut. Mahkamah dalam mempertimbangkan gambar tersebut untuk membuktikan elemen kesalahan adalah dengan merujuk kepada Seksyen 3, 48 dan 49 Akta Keterangan Mahkamah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997 yang memperuntukkan tentang dokumen digital sebagai keterangan premier. Perkara ini juga selari dengan kes *Pendakwa Syarie v Ariffin bin Mohd Kassim* [2007] 4 SHLR 148 yang mana mahkamah telah menerima resit pertaruhan judi sebagai

bukti dokumentar yang menyokong sabitan tertuduh walaupun tiada proses autentikasi digital yang dibuat terhadap dokumen tersebut.

Manakala dalam kes *Pendakwa Syarie v A Mohad a/l Sahab bin Husin* [2013] 3 SHLR 33 yang mana mahkamah telah menerima pengemukaan gambar sebagai bukti bahawa tertuduh telah berada di dalam premis perjudian yang menyokong pensabitan kesalahan yang dilakukan oleh tertuduh. Namun di dalam kes ini tiada sebarang analisis forensik dijalankan terhadap bukti gambar tersebut dan telah menunjukkan kelemahan pembuktian keabsahan dokumen gambar berkenaan. Hal ini akan menyebabkan terdapat potensi untuk pertikaian terhadap kebolehterimaan bukti digital tersebut.

Tuntasnya, berdasarkan kepada kes-kes yang telah diputuskan di Mahkamah Syariah ini menunjukkan bahawa mahkamah syariah telah membuka ruang terhadap penerimaan keterangan berbentuk digital sebagai salah satu method pensabitan kes. Namun penerimaan masuk bukti tersebut adalah tanpa disokong oleh analisis daripada forensik digital. Oleh yang demikian, bukti tersebut adalah terdedah kepada risiko manipulasi data, pencemaran bukti dan keabsahan bukti digital yang mudah untuk dipertikaikan. Hal ini akan menjejaskan kredibiliti Mahkamah Syariah sebagai institusi kehakiman yang seharusnya bersedia menghadapi cabaran pembuktian berasaskan teknologi moden (Faris Hamzi et al, 2025).

6.0 KEPAKARAN FORENSIK DIGITAL DI MALAYSIA

Peningkatan jenayah siber di Malaysia yang semakin mencabar pada masa kini telah menyebabkan perkembangan kepakaran forensik digital. Terdapat institusi yang menyediakan perkhidmatan forensik digital ini ialah Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) dan CyberSecurity Malaysia (CSM). CyberSecurity (CSM) adalah agensi utama yang menyediakan beberapa perkhidmatan forensik digital. Antaranya ialah Cyber Scene Investigation (CyberCSI) yang berfungsi untuk membantu agensi penguatkuasaan undang-undang dalam penyiasatan dan pendakwaan kes jenayah digital. Perkhidmatan utama Cybersecurity adalah pemeliharaan bukti digital di lokasi kejadian, analisis bukti digital dan penyediaan saksi pakar di

mahkamah. Perkhidmatan forensik digital ini dijamin memenuhi standard kualiti antarabangsa seperti ISO 17025, dan menerima pengiktirafan ANSI National Accreditation Board (ANAB).

Manakala Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia adalah berperanan sebagai mengawal selia peraturan industri berdasarkan kuasa yang termaktub di dalam Akta Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (1998). Antara fungsi-fungsi utama SKMM ini ialah menawarkan bantuan kepakaran teknikal dan forensik kepada pelbagai agensi penguatkuasaan termasuk Jabatan Agama Islam. SKMM juga telah menubuhkan makmal forensik digitalnya pada tahun 2012 dengan prosedur operasi yang menepati garis panduan MS ISO/IEC 17025:2005 dan Skim Akreditasi Makmal Malaysia (SMMM). Agensi ini juga berperanan dalam penguatkuasaan digital dalam melakukan siasatan berpandukan akta bagi kesalahan siber.

Oleh yang demikian, dapat dilihat bahawa forensik digital di Malaysia telah berkembang pesat seiring dengan kemajuan teknologi. Bidang ini telah melibatkan pelbagai pihak termasuk institusi kerajaan, badan penguatkuasaan dan lain-lain agensi untuk terlibat aktif dalam proses analisis dan pembuktian berkenaan dengan bahan bukti digital.

7.0 KESIMPULAN

Berdasarkan kepada dapatan yang telah dihuraikan, dapat disimpulkan bahawa keterangan melalui forensik digital ini mempunyai kedudukan yang sah di sisi undang-undang dan diterima di dalam sistem kehakiman Mahkamah Syariah di Malaysia. Hal ini telah mencerminkan bahawa sistem perundangan Syariah mampu untuk menyesuaikan diri dengan keadaan semasa khususnya bagi menangani cabaran kaedah pembuktian jenayah yang berbentuk digital. Penerimaan bukti digital di dalam Mahkamah Syariah melalui forensik digital adalah selari dengan dengan prinsip keadilan dan integrity selagi mana ia mengikut kepada peruntukkan undang-undang sedia ada. Oleh itu, penerimaan forensik digital sebagai bahan probatif wajar diperkasakan bagi memastikan Mahkamah Syariah terus relevan, efektif dan berupaya menangani cabaran pembuktian jenayah moden yang semakin berkembang seiring kemajuan teknologi

8.0 RUJUKAN

- Ahmad Azam Mohd Shariff, Mohamad Azhan Yahya, Ramalinggam Rajamanickam, Melissa Hsu Tzu-Hsin, Muhammad Muhaimin Mohd Subki, Nurasyraf Fahmi Azahari, Jeevitha Raja, Syaidatul Syaffiqa Muhamad. (2022). Prinsip Rangkaian jagaan dan Rangkaian Keterangan: Keperluan kepada Pengiktirafan dan Pengaplikasian dalam Kes Syariah di Malaysia. *Journal of Muwafaqat* Vol. 5, No. 1, 2022, pp. 17-32 Faculty of Syariah and Law, Kolej Universiti Islam Antrabangsa Selangor.
- Abdul Sallam Said Hamed & Dr Omprakash Dewangan. (2025). Digital Forensic: Techniques, Challenges and Future Direction. *International Journal for Research in Applied Science & Engineering Technology (IJRASET)*. Volume 12 Issue V May 2025
- Abu Nong, R. (2018). Pengalaman Forensik Digital Suruhanjaya Komunikasi Multimedia Dan Malaysia. In *Undang-Undang Jenayah Syariah Di Alam Siber. Cyberjaya: Suruhanjaya Komunikasi Multimedia Dan Malaysia*.
- Dedy Hariyadi Bambang Sadewo, Kholis Munajat, Dimas Pratama, Nur Rosid Wakhid Wahyudi, Velisia Amanda Khafid, Bagas Saktiawan Prajoso, Bneyamin Armanto, Ahmad Gofiansah, Achmad Alief. (2022), *Buku Panduan Dasar Forensik Digital*, Baskara Media ISBN: 9786237446644.
- Khairul Azhar Meerangani, Muhammad Safwan Harun & Muhamad Sayuti Mansor. (2025). Prinsip Fiqh Dalam Penyebaran Maklumat Berasaskan Kecerdasan Buatan (AI) Di Media Sosial. *Jurnal Fiqh*, Vol. 22 No. 2(2025) pp 235-261.
- Mohamad Azhan Yahya, Ahmad Azam Mohd Shariff, Azizah Mat Rashid, & Fatimah Yusro Hashim. (2020). *Pengemukakan dokumen elektronik sebagai keterangan dalam perbicaraan mahkamah syariah*. Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohamad Aniq Aiman Alias, Wan Abdul Fattah Wan Ismail, Ahmad Syukran Baharuddin, Hasnizam Hashim & Tuan Muhammad Faris Hamzi Tuan Ibrahim, (t.t), *Fiqh Al-Waqi' Dalam Penerapan Forensik Digital: Memahami Konteks dan Realiti Semasa*,
- Nasrullah, Judhariksawan, Ilyas, A., & Haeranah4. (2024). The Role of Digital Forensics in Criminal Investigations: An Analysis of Electronic Evidence in the Indonesian Legal System. *Pakistan Journal of Criminology*, Vol 16(4), 255–268.
- Portal Rasmi Malaysia Government Digital Forensic Lab (MyDFLAB) Jabatan Digital Negara <https://mydfllab.gov.my/pengenalan-mydfllab/>
- Portal Rasmi Suruhanjaya Komunikasi Multimedia Malaysia (SKMM) <https://www.mcmc.gov.my/ms/home>
- Tuan Muhammad Faris Hamzi Tuan Ibrahim, Mohamad Aniq Aiman Alias, Nasrul Hisyam Nor Muhammad & Ahmad Syukran Baharuddin. (2025). *Pembuktian Forensik Digital di*

Mahkamah Syariah: Kerangka Kebolehterimaan dan Integriti Dalam Jenayah Syariah. *Journal of Muwafaqat, Faculty of Syariah and Law, Selangor Islamic University*. Vol 8 (2) 2025, pp. 78-100.

Vaishali, C. V., Thirumalasiwamy, V., & Thailaichidambaram, M. (2024). Introduction To Digital Forensics. In *Ai and Emerging Technologies* (Pp. 27-35). CRC Press.

Wan Abdul Fattah, Wan Ismail, , Abdul Shukor, S., & Hashim, H., & Baharuddin, A. S. (2018). Pembuktian Melalui Televisyen/Kamera Litar Tertutup (CCTV) Dalam Kes-kes Jenayah: Tinjauan Umum Berdasarkan Undang-undang Keterangan Islam. *Malaysian Journal of Syariah and Law (MJSL)*, 474 (6194), 1-18.

Statut

Akta Keterangan 1950

Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Negeri Johor) 2003

Senarai kes

Pendakwa Syarie Negeri Selangor v Khalid bin Abdul Samad [2019] 3 SHLR 39

Pendakwa Syarie v Zulkifli bin Othman [2013] 4 SHLR 92

Pendakwa Syarie v Ariffin bin Mohd Kassim [2007] 4 SHLR 148

Pendakwa Syarie v A Mohad a/l Sahab bin Husin [2013] 3 SHLR 33